

KPDNHEP lupus barangan jenama tiruan, cakera padat bernilai RM23,000

2020-03-10T18:12:32+08:00

oleh Yusop Teppo



LUPUS: Mohamad menggantung beg jenama tiruan.

SANDAKAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sandakan melupuskan barang jenama tiruan dan cakera padat tanpa label bernilai RM23,000.

Ketua Cawangan KPDNHEP Sandakan Mohamad Hashim berkata, terdapat lima kes pelupusan barang eksibit dimusnahkan.

"Terdapat 354 unit cakera padat bernilai RM1,760.00 dilupuskan dibawah kesalahan Perintah 4 (4)(a) Perintah Perihal Dagangan 2010 dan nilai kompaun RM3,000," katanya.

Beliau berkata sebanyak 1,501 unit barangan jenama tiruan bernilai RM21,518.40 dilupuskan dibawah Seksyen 8 (2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 dan nilai kompaun RM12,000.

Mohamad berkata demikian ketika sidang media Pelupusan Barang Eksibit Kes Selesai Tahun 2019 di Bilik Mesyuarat KPDNHEP Sandakan.

Dalam pada itu, beliau berkata pihaknya telah memeriksa 1,267 premis di Bandar Sandakan dan luar bandar bagi tiga bulan pertama tahun ini.

Mohamad berkata pihaknya telah melakukan pemeriksaan 810 premis di Bandar Sandakan dan 457 premis di kawasan luar bandar.

"Bagi tempoh tiga bulan ini, pihaknya mendapati 88 kes telah dikesan melakukan pelbagai akta dan kesalahan," katanya.

Beliau berkata nilai rampasan bagi kes tahun 2020 bernilai RM58,532.19 dan jumlah kompaun yang dikenakan tiga bulan pertama ini sejumlah RM11,650.00.

"Sebanyak 54 kes aduan awam diterima dan telahpun selesai disiasat," katanya.

